



KENYATAAN MEDIA

YAYASAN WAQAF MALAYSIA KOMITED BANGUNKAN KOMUNITI MELALUI WAKAF

Biasiswa Al-Falah Madani beri peluang mahasiswa nikmati pengajian tinggi secara percuma & kolaborasi bersama pihak ketiga bina ekosistem wakaf yang mampan

1. Dalam mendokong hasrat kerajaan untuk menjadikan wakaf sebagai salah satu elemen pemerikasaan ekonomi rakyat, Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) terus komited dan proaktif dalam usaha meningkatkan kutipan wakaf tunai Malaysia serta membangunkan lebih banyak projek wakaf yang memberi manfaat berpanjangan kepada masyarakat dan negara.
2. Bagi memperkasakan sektor pendidikan, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh YWM bersama Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), antaranya ialah:
 - (a) Pembangunan Maahad Al-Mashoor di Balik Pulau, Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan oleh JAWHAR;
 - (b) Sumbangan Dana Tabung Pendidikan YWM-PINTA berjumlah RM219,322.61 kepada PINTA Kebangsaan pada 11 Oktober 2023, bagi tujuan pelaksanaan Program Multimedia Tahfiz Madani di pusat-pusat tahfiz Al-Quran seluruh negara yang telah memberi manfaat kepada 20 institusi tahfiz di bawah PINTA;
 - (c) Projek pembangunan sebuah makmal bahasa menerusi 7 pembelian sebuah lori 5 tan sebagai harta wakaf alih, yang diubahsuai sebagai makmal bahasa yang dilengkapi dengan sistem teknologi dan digital, untuk dimanfaatkan oleh masyarakat di Pulau Pinang; dan
 - (d) Di bawah Dana Wakaf Am dan Sijil Wakaf Tunai Pendidikan pula, YWM telah membelanjakan hampir RM400,000 bagi tujuan membina dan membaik pulih infrastruktur institusi pendidikan serta menyediakan peranti pembelajaran untuk dimanfaatkan oleh pelajar dari keluarga yang kurang berkemampuan.
3. YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada hari ini telah menyempurnakan penyampaian Biasiswa Al-Falah Madani di bawah produk myWaqafPTPTN kepada **para mahasiswa daripada keluarga asnaf yang telah disahkan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan juga daripada**

kalangan keluarga B40 dan M40, tidak terhad kepada beragama Islam sahaja.

4. Menurut YB Senator, ini adalah **lambang komitmen YWM untuk terus mengangkat nilai-nilai wakaf sebagai pemangkin kemajuan pendidikan negara. Pendidikan berkualiti tidak seharusnya menjadi hak eksklusif, tetapi merupakan suatu peluang yang boleh dinikmati oleh semua pihak. Menerusi wakaf pendidikan, manfaatnya lebih meluas untuk semua tanpa mengira kaum, bangsa dan agama.**
5. Menerusi majlis yang sama, YB Senator turut mengumumkan kejayaan yang dikecapi oleh YWM dalam Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri Tahun 2024. Dua (2) produk wakaf tunai YWM telah berjaya mendapat pengiktirafan adalah
 - (a) Wakaf Al-Muaqqat – Pengaplikasian Dalam Program i-TEKAD CIMB Islamic Rider Entrepreneur, yang mendapat johan dalam kategori Trek Ekonomi; dan
 - (b) Wakaf Masjid Hijau – Pembiayaan Alternatif Sektor Teknologi Melalui Wakaf, yang mendapat tempat ketiga dalam kategori Trek Sosial.
6. Pengiktirafan ini menjadi batu loncatan kepada YWM untuk sentiasa proaktif menerokai dan berinovasi dalam menghasilkan produk-produk wakaf yang berimpak tinggi kepada ummah bukan sahaja di Malaysia malahan melangkaui global.
7. Selain itu, dalam majlis yang sama YB Senator turut menyaksikan sesi menandatangani surat hasrat kerjasama antara YWM bersama tiga (3) pihak iaitu Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Andorra Healthcare dan Kolej Professional Baitulmal Kuala Lumpur dengan penumpuan kerjasama dalam aspek pembiayaan pembangunan projek-projek wakaf berimpak tinggi, pembangunan hospital pakar dan penambahbaikan infrastruktur serta kebajikan pelajar melalui platform Go-Barakah.
8. Di akhir ucapannya, YB Senator merakamkan ucapan penghargaan kepada para pewakaf dan penyumbang yang sentiasa menyokong usaha YWM dalam pemerkasaan wakaf.
9. Dalam mendokong agenda “Membangun Malaysia Madani” yang dibawa oleh YAB Perdana Menteri, YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri Agama telah memperkenalkan Pelan Transformasi Al-Falah yang khusus kepada usaha-usaha penambahbaikan pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia. Program pada hari ini adalah berpaksikan kepada Teras Kesejahteraan Insan dengan menfokuskan kepada kemampanan ekonomi dan kebajikan sosial Masyarakat Madani.

10. Untuk makluman, setiap sumbangan wakaf di bawah Skim Wakaf Tunai Malaysia YWM adalah di bawah Projek Berkepentingan Nasional oleh Kementerian Kewangan yang membolehkan setiap pewakafan tunai kepada YWM layak mendapat potongan cukai di bawah Seksyen 44 (11C) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Kini bermula serendah RM1.00, anda boleh salurkan sumbangan myWaqafPTPTN ke akaun Yayasan Waqaf Malaysia di RHB Islamic Bank dengan mengimbas QR Duitnow di bawah,



-TAMAT-

**Yayasan Waqaf Malaysia
9 Disember 2024**

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

1. **Cik Haidatul Azia binti Husin**
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my
2. **Cik Nur Ain binti Mohd Nazri**
Pegawai Media
Yayasan Waqaf Malaysia
011-33065054 | nurain.nazri@ywm.gov.my